

01 MAR 2003

Syed Hamid-OIC

WISMA PUTRA KAJI KEHADIRAN DR MAHATHIR DI SIDANG KEMUNCAK OIC

KOTA TINGGI, 1 Mac (Bernama) -- Wisma Putra akan mengkaji perkembangan terbaru dalam sehari dua ini bagi menentukan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sidang kemuncak tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan di Qatar pada 4 dan 5 Mac.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata pendirian Malaysia pada masa ini seperti yang telah dinyatakan oleh Dr Mahathir ialah beliau akan menghadiri persidangan itu yang akan berlangsung di Doha.

"Dalam satu dua hari ni, kita akan kajilah... buat masa ini Perdana Menteri memutuskan dia akan pergi, tapi kita tengoklah dulu macam mana keadaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan secara berkelompok persidangan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Kota Tinggi di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata Wisma Putra akan meneliti keadaan semasa kerana maklumat yang diterima menunjukkan hanya tujuh ketua negara dari 40 negara anggota yang akan menghadiri persidangan tergempar itu.

Persidangan tergempar itu, yang dipanggil oleh Qatar selaku pengerusi OIC sekarang, dikatakan akan memberi tumpuan kepada krisis Iraq yang menghadapi kemungkinan diserang oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

"Kita sedang semak... macam Arab Saudi tidak akan pergi, Syria tak akan pergi..., saya percaya negara macam Yaman pun tak akan pergi dan Bangladesh pun mungkin hanya menghantar wakil.

"Kita kena kajilah, macam Saudi kata dia tidak fikir mesyuarat di Qatar ini berguna dan bermanfaat... kita kena kajilah," katanya.

Syed Hamid yang juga Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi dan Anggota Parlimen Kota Tinggi berkata Kuala Lumpur tidak mempunyai sebarang usul untuk dikemukakan pada persidangan kemuncak tergempar OIC itu.

"Walaupun kita telah menjadi tuan rumah kepada perbincangan tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur pada 26 Mac, ia hanya untuk bertukar fikiran... tapi input dan pandangan yang dikemukakan di Kuala Lumpur itu, siapa nak bawa boleh bawalah (ke sidang kemuncak tergempar itu)," katanya.

Beliau berkata kedudukan Iraq, yang dituduh mempunyai senjata pemusnah besar-besaran pada masa ini, telah jelas kerana kalau ia mempunyai kekuatan ketenteraan sudah tentu ia bertindak balas ke atas pesawat-pesawat yang melakukan pengeboman di kawasan larangan terbangnya.

"Di Iraq bila berlaku pengeboman di kawasan larangan terbang, kalau Iraq mempunyai kekuatan ketenteraan, takkan dia tak melawan," katanya.

Syed Hamid berkata pada perbincangan tidak rasmi itu, negara-negara OIC sependapat bahawa, "Kita anggap peperangan ini sebagai kesilapan paling besar pernah berlaku kerana ia bukan mewujudkan satu dunia yang stabil tetapi lebih banyak lagi pergolakan."

Mengenai sekretariat Malaysia bagi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Wisma Putra, Menteri Luar itu berkata ia bukan sekretariat tetap tetapi sekretariat hanya untuk Malaysia selaku pengerusi pergerakan 116 negara anggota itu.

"Kerana kita kini pengerusi NAM, kita nak tentukan kerja-kerja kita dapat dilaksanakan dengan baik dan kita akan tubuhkan sekretariat di peringkat Wisma Putra dengan pegawai-pegawai khusus untuk mengurus dan mengendalikan soal-soal NAM," katanya.

Beliau percaya sekretariat itu boleh membantu Malaysia menyelaras dan melicinkan urusan selaku pengerusi NAM kerana Deklarasi Kuala Lumpur yang dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak NAM itu mengandungi banyak

tanggungjawab baru bagi menjayakan dan menyuburkan semula NAM.

Syed Hamid berkata sekretariat itu bertanggungjawab kepada Pengerusi NAM dalam menyelaras dan memantau aktiviti NAM dan tidak tertumpu kepada sidang kemuncaknya sahaja sebaliknya meliputi komunikasi lebih kerap antara negara anggota dalam bidang yang lebih luas.

"Ia akan menjadikan kewujudan NAM lebih terasa kerana telah ada kesepakatan dalam isu-isu global yang rumit seperti menentang peperangan, membudayakan keamanan, mahu menentukan pengukuhan sistem multilateral dan bekerjasama dalam bidang ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY NAK